



**KERAJAAN NEGERI JOHOR**

**GARISPANDUAN DAN POLISI RANGKAIAN  
DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGERI  
JOHOR**

JANUARI 2005

**UNIT SAINS TEKNOLOGI DAN ICT  
NEGERI JOHOR**

## **Langkah-langkah Kawalan Keselamatan Infrastruktur Rangkaian Komunikasi**

Kawalan atas infrastruktur rangkaian komunikasi sangat penting untuk menjaga kerahsiaan dan integriti maklumat yang dihantar/terima serta menjamin kebolehsediaan maklumat apabila diperlukan. Langkah-langkah berikut perlu dipatuhi untuk mengawal keselamatan infrastruktur rangkaian komunikasi:

- 1) Semua peralatan rangkaian (*switch, modem, hub, router dll*) hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan contohnya dalam rak atau di bilik server;
- 2) Setiap jabatan bertanggungjawab menjaga bilik server dalam keadaan baik. Pastikan bilik server mempunyai penghawa dingin atau kipas di dalam suhu yang bersesuaian. Sila pastikan bahawa peralatan rangkaian tersebut bebas dari risiko atau gangguan elektrik, habuk, kilat , banjir atau kecurian;
- 3) Pastikan bilik server atau komputer server hanya boleh dimasuki atau digunakan oleh Pegawai Perhubungan Jabatan yang dipertanggungjawabkan sahaja. Jika komputer server rosak, kakitangan Unit ICT adalah dibenarkan masuk dan diawasi bersama Pegawai Perhubungan di jabatan tersebut;
- 4) Semua kabel rangkaian hendaklah dipasang dengan kemas seperti di bawah lantai atau melalui conduit, yang mana bersesuaian.
- 5) Sebarang pemasangan point tambahan yang dibuat oleh jabatan dan hendak disambungkan ke rangkaian yang disediakan oleh pihak Unit ICT hendaklah mendapat kebenaran / dimakluman terlebih dahulu. Sebarang penyambungan rangkaian yang bukan dibawah kawalan Unit ICT hendaklah mendapat kebenaran dari Unit ICT ;
- 6) Rack, Switch, Router, Modem, Kabel rangkaian atau Komputer Server yang diletakkan oleh Unit ICT tidak boleh dialihkan kedudukannya melainkan diberitahu dahulu kepada pihak USTICT dan mestilah mendapatkan pengesahan untuk mengubah kedudukan berhubung perkara tersebut. Salinan layout yang baru dan kemaskini perlu dihantar ke Unit ICT untuk makluman;

- 7) Setiap komputer jabatan dan Komputer Server yang dibekalkan oleh Unit ICT yang rosak hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu kepada Unit ICT. Jabatan adalah **DILARANG** sama sekali memanggil syarikat komputer luar berhubung komputer yang dibekalkan oleh Unit ICT melainkan jika telah mendapat kebenaran dari pihak Unit ;
- 8) Hanya perkhidmatan yang diperlukan sahaja dibenarkan di konfigurasi dengan akses yang terhad kepada perkhidmatan tersebut. Pemasangan protokol rangkaian hendaklah dibuat secara minimum bergantung kepada keperluan. Pengguna komputer **DILARANG** menggunakan NetBEUI pada subnet rangkaian atau NetBEUI over IP. Hanya protokol TCPIP sahaja yang dibenarkan;
- 9) Semua trafik keluar dan masuk hendaklah melalui firewall yang dikawal oleh Unit ICT;
- 10) Penggunaan aktiviti internet seperti melayar laman web ("surfing") atau membuat kerja-kerja pejabat di komputer Server adalah **DILARANG** sama sekali ini.
- 11) Aktiviti internet seperti melayari laman web lucah, perjudian, dan laman-laman web yang negatif juga adalah **DILARANG** sama sekali di setiap komputer jabatan. Ini bagi mengelakkan komputer jabatan daripada mengalami masalah yang kritikal. Semua aktiviti penggunaan internet direkodkan dari masa ke semasa.
- 12) Aktiviti memuat turun ("download") file Aplikasi (.EXE) juga adalah **DILARANG**. Ini adalah kerana majoriti Aplikasi berbahaya seperti virus, worms, spyware berada di dalam setiap komputer yang memuat turun ("download") free screen saver, wall paper dan sebagainya. Diharapkan aktiviti seperti ini dapat dihentikan.